

Kajian teliti punca program subsidi petrol B40 lewat

Putrajaya: Mekanisme program subsidi petrol bersasar kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) lewat daripada tempoh dijadualkan kerana perlu melalui kajian teliti membabitkan pandangan pelbagai pihak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan mahu pelaksanaan program itu berjalan lancar dan paling penting faedahnya dinikmati golongan disaraskan berdasarkan keperluan dan situasi sebenar.

Katanya, perbincangan teliti itu dilakukan bersama pihak berkepentingan antaranya syarikat pembekal minyak, pengusaha stesen minyak, persatuan pengguna, ahli akademik dan agensi kerajaan termasuk syarikat berikaitan kerajaan (GLC).

Beliau berkata, pengusaha 3,500 stesen minyak seluruh negara memberi maklum balas positif, pada masa sama, berharap tidak dibebani atau menanggung kos bagi pelaksanaan sistem itu.

Saifuddin berkata, persatuan pengguna membangkitkan isu penerima subsidi yang pemilihannya dibuat secara teliti serta melalui proses semakan dengan agensi lain antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kerajaan mahu supaya hanya yang benar-benar layak menikmatinya dengan membentuk satu formula kerana keupayaan rakyat adalah berbeza," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga ambil kira nasib golongan berpendapatan sederhana yang mendakwa kerajaan hanya tumpukan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah.

Katanya, kementerian juga menyediakan pangkalan data terlebih dahulu yang senarainya boleh ditambah atau digugurkan dari semasa ke semasa.